

TINJAUAN MENGENAI KEPERLUAN UNTUK MENAMBAH BILANGAN READER BIOMETRIK

Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 25 Oktober 2011 17:08

Kepada: UUM - All Staff

**Jabatan Pendaftar**

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia**25 OKTOBER 2011
27 ZULKAEDAH 1432H****TINJAUAN MENGENAI KEPERLUAN UNTUK MENAMBAH BILANGAN READER BIOMETRIK**

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) UUM kali ke-46 Bil. 2/2011 yang diadakan pada 18 Ogos 2011 telah bersetuju agar diperbanyakkan reader biometrik di seluruh kampus bagi memudahkan urusan merakam waktu kedatangan.

Sehubungan itu, Pusat Komputer bercadang membuat tinjauan mengenai keperluan untuk menambah bilangan reader biometrik berdasarkan bilangan pengguna bagi setiap reader. Oleh itu, Jabatan Pendaftar memohon kepada semua staf untuk mengemaskini maklumat lokasi iaitu mengikut bangunan penempatan masing-masing melalui portal pada bahagian "Kemaskini Maklumat Peribadi" dalam kadar yang segera. Maklumat ini juga akan membantu kami membuat pengemaskinian cap jari pada setiap reader.

Segala kerjasama tuan/puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

JABATAN PENDAFTAR

Universiti Utara Malaysia

Tel : 04-9283021/3043

Fax : 04-9283046

e-mail : pendaftar@uum.edu.my